

**PERANAN MEDIA MASSA DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN:
KAJIAN KES DI KALANGAN PELAJAR FKPM UiTM MELAKA**



DISEDIAKAN OLEH

AINI FAEZAH BINTI RAMLAN

SITI HAJAR ABD AZIZ

OGOS 2012

**PERANAN MEDIA MASSA DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN:
KAJIAN KES DI KALANGAN PELAJAR FKPM UiTM MELAKA**

DISEDIAKAN OLEH

AINI FAEZAH BINTI RAMLAN

SITI HAJAR ABD AZIZ

OGOS 2012

Tarikh : 28 OGOS 2012
No. Fail Projek : 600-KM (PJI.5/4/1)

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam

Ybhg. Prof.,

**LAPORAN AKHIR PROJEK PERANAN MEDIA MASSA DALAM PEMBANGUNAN
MODAL INSAN: KAJIAN KES DI KALANGAN PELAJAR FKPM UiTM MELAKA**

Merujuk kepada perkara di atas, bersam-sama ini disertakan 3 (tiga) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk **MEDIA MASSA DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN: KAJIAN KES DI KALANGAN PELAJAR FKPM UiTM MELAKA**

Sekian, terima kasih

Yang Benar,

AINI FAEZAH BINTI RAMLAN

Ketua
Projek Penyelidikan

DEKLARASI

Adalah diperakukan dengan ini bahawa tiada sebarang bahagian daripada laporan ini pernah diserahkan sebagai penyelidikan kepada mana-mana agensi.

AHLI KUMPULAN PROJEK

AINI FAEZAH BINTI RAMLAN
KETUA PENYELIDIK

.....
Tandatangan

SITI HAJAR ABD AZIZ
AHLI

.....
Tandatangan

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan anugerah kekuatan dan kesabaran kepada kami untuk menyempurnakan penyelidikan ini. Maha besar Allah SWT tuhan yang mmeberi taufik, hidayah dan 'inayah.

Setinggi-tinggi penghargaan kami rakamkan kepada semua pihak samada secara langsung atau tidak langsung yang telah membantu kami di dalam menjayakan projek ini. Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Rektor UiTM Melaka,Datuk Prof. Madya Dr. Mizan bin Hitam,Timbalan Rektor Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri, Prof. Madya Dr Roaimah Omar, Ketua Pusat Pengajian Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media yang banyak memberikan sokongan motivasi kepada kami. Tidak lupa juga kami rakamkan ucapan terima kasih kepada RMI UiTM Melaka yang memberi panduan kepada kami untuk menyempurnakan projek ini.

Tidak ketinggalan juga kepada semua responden yang telah sudi memberikan kerjasama menyempurnakan soal selidik yang diedarkan. Akhirnya penghargaan teristimewa khusus buat ahli keluarga, terutama suami dan anak-anak yang sentiasa berada di sisi semas kami melaksanakan kajian ini. Moga Allah SWT akan membalas usaha murni yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat dengan ganjaran kebaikan dan keberkatan di dunia dan akhirat.
Amin Ya Rabbal Alamin

KANDUNGAN

| TOPIK | HALAMAN |
|---|----------------|
| DEKLARASI | i |
| PENGHARGAAN | ii |
| KANDUNGAN | iii |
| SENARAI JADUAL | v |
| SENARAI SINGKATAN | vi |
| ABSTRAK | vii |
| BAB 1: PENGENALAN | |
| 1.1 Latar Belakang Penyelidikan | 1 |
| 1.2 Pernyataan Masalah | 2 |
| 1.3 Objektif Penyelidikan | 3 |
| 1.4 Kepentingan Penyelidikan | 4 |
| 1.5 Batasan Penyelidikan | 4 |
| 1.6 Definisi Terma | 5 |
| BAB 2: KAJIAN LITERATUR | |
| 2.1 Kerangka Teori | 6 |
| 2.1.1 Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak (<i>uses & gratification</i>) | 7 |
| 2.1.2 Faktor-faktor Penggunaan dan Pemuasan Kehendak (<i>uses & gratification</i>) | 9 |
| 2.2 Definisi Media Massa | 14 |
| 2.2 .1 Peranan Media Massa | 14 |
| 2.3 Kemahiran Insaniah (KI) | 17 |
| 2.3.1 Elemen Kemahiran Insaniah | 17 |
| 2.4 Definisi Modal Insan | 19 |
| 2.4.1 Konsep Pembangunan Modal Insan | 20 |
| 2.4.2 Peranan Pendidikan dalam Pembangunan Modal Insan | 21 |
| 2.4.3 Peranan Media Massa dalam Pembangunan Modal Insan | 21 |
| 2.5 Remaja dan Penggunaan Media Massa | 25 |
| 2.5.1 Masa yang diperuntukkan remaja untuk menggunakan media | 26 |
| 2.5.2 Kandungan media yang mendapat perhatian remaja | 29 |
| 2.6 Cabaran-cabaran melahirkan modal insan | 30 |

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

| | |
|--------------------------------|----|
| 3.1 Kaedah Pengumpulan Data | 38 |
| 3.1.1 Populasi | 38 |
| 3.1.2 Kaedah Persampelan | 39 |
| 3.1.3 Pengumpulan Data ms | 39 |
| 3.1.3.1 Data Primer | |
| 3.1.3.2 Data Sekunder | |
| 3.2 Instrumen Pengumpulan Data | 39 |
| 3.3 Penganalisaan Data | |
| 3.3.1 Analisa Statistik | 45 |

BAB 4 : ANALISA DAN INTERPRETASI

| | |
|---|----|
| 4.1 Pembentangan data | |
| 4.1.1 Latar belakang responden | 46 |
| 4.2 Perbincangan keputusan | 48 |
| 4.2.1 Objektif penyelidikan 1 | 48 |
| 4.2.2 Objektif penyelidikan 2 | 49 |
| 4.2.3 Objektif penyelidikan 3 | 62 |
| 4.3 Analisa Keputusan Jadual 4.5 | 65 |
| 4.4 Analisa Keputusan Jadual 4.6 | 68 |
| 4.5 Analisa Keputusan Jadual 4.7 | 70 |
| 4.6 Analisa Keputusan Jadual 4.8 | 73 |
| 4.7 Analisa Keputusan Jadual 4.9 | 76 |
| 4.7.1 Faktor tarikan utama rancangan televisyen | 77 |

BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN

| | |
|---|----|
| 5.1 Rumusan | |
| 5.1.1 Peranan media massa di kalangan responden | 78 |
| 5.1.2 Kesan televisyen terhadap Kemahiran Insaniah | 78 |
| 5.1.3 Kandungan televisyen yang menjadi pilihan responden | 80 |
| 5.2 Cadangan | 82 |

| | |
|--------------------|----|
| BIBLIOGRAFI | 84 |
| APPENDIK | 87 |

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1 Jantina

Jadual 4.2 Umur Responden

Jadual 4.3 Peranan utama televisyen

Jadual 4.4 Kesan televisyen terhadap Kemahiran Insaniah

Jadual 4.5 Program Televisyen Pilihan Pertama

Jadual 4.6 Program Televisyen Pilihan Kedua

Jadual 4.7 Program Televisyen Pilihan Ketiga

Jadual 4.8 Program Televisyen Pilihan Keempat

Jadual 4.9 Program Televisyen Pilihan Kelima

SENARAI SINGKATAN

FKPM: FAKULTI KOMUNIKASI DAN PENGAJIAN MEDIA

KI : KEMAHIRAN INSANIAH

SPSS: STATISTIC PACKAGE FOR SOCIAL SCIENCES

ABSTRAK

Media massa mempunyai pelbagai peranan yang besar dalam pembangunan sesebuah Negara. Pembangunan ini tidak boleh dilihat dari aspek pembangunan fizikal semata-mata tetapi pembangunan modal insan harus juga dilihat sebagai satu agenda penting negara untuk menjamin kemajuan sesebuah negara dalam pelbagai aspek termasuk di dalam bidang sains, teknologi dan keusahawanan. Hasrat untuk melahirkan dan membangunkan modal insan berhadapan dengan cabaran budaya hedonisme dan budaya popular terutamanya di kalangan remaja yang dibawa oleh media massa. Kesan dan pengaruh media massa terhadap khalayak telah lama hangat diperkatakan dan dibincangkan oleh para ilmuan dan ulama. Fenomena penjajahan budaya yang disebut sebagai '*cultural imperialism*' sangat ketara diamalkan oleh golongan remaja menerusi cara pergaulan, pakaian, hiburan dan aktiviti seharian. Peranan media massa yang utama sebagai sumber maklumat telah disalahgunakan untuk mendapatkan hiburan semata-mata. Penyelidikan ini bertujuan meninjau peranan media massa dalam usaha pembangunan modal insan, di samping menganalisa tahap penggunaan media di kalangan remaja. Dapatan daripada kajian ini diharap dapat membantu pengamal media dalam merangka kandungan media yang sesuai untuk pembangunan umat sejagat.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Penyelidikan

Media massa mempunyai pelbagai peranan dalam pembangunan sesebuah negara. Secara umumnya media massa berfungsi untuk menyalurkan maklumat, berita, ilmu pengetahuan dan hiburan kepada khalayak. Jika diteliti mengenai peranan media dalam masyarakat, sesetengah pihak beranggapan bahawa media massa mempunyai peranan yang sangat penting untuk kemajuan dan pembangunan manusia dalam pelbagai aspek kehidupan. Namun begitu, pendedahan kepada media massa dan pengunaannya yang berlebihan dalam kehidupan seharian berupaya merubah pemikiran, tingkah laku dan sikap khalayak. Tidak dapat dinafikan keadaan ini membawa kesan negatif dalam sosio-budaya masyarakat setempat. Apatah lagi dengan penguasaan media massa oleh kuasa Barat.

Penyelidikan mengenai peranan media massa dalam pembangunan modal insan terutamanya di kalangan remaja perlu dilakukan untuk melihat bagaimana golongan remaja menggunakan media massa dalam kehidupan seharian. Modal insan menjadi pertunjuk penting dalam pembangunan sesebuah negara. Negara-negara yang maju menjadikan pembangunan modal insan sebagai utama. Para remaja atau tenaga muda

menjadi sasaran penting pembangunan modal insan kerana mempunyai potensi yang amat bernilai untuk dibangunkan. Pada diri remaja terdapat dinamika diri untuk maju ke hadapan dan sebagai sumber penting bagi membentuk zaman dan kemajuan. (Sidek Baba,2007.109).

1.2 Pernyataan Masalah

Pembangunan sesebuah negara tidak hanya dilihat dari aspek pembangunan fizikal semata-mata, pembangunan modal insan juga dilihat sebagai satu agenda penting negara untuk menjamin kemajuan sesebuah negara dalam pelbagai aspek. Pembangunan modal insan bermaksud melahirkan umat manusia yang berilmu, berakhlak, beretika dan bermoral berteraskan ilmu pengetahuan, kemahiran dalam pelbagai bidang termasuk sains, teknologi dan keusahawanan. Namun begitu hasrat untuk melahirkan dan membangunkan modal insan berhadapan dengan cabaran budaya hedonisme dan budaya popular terutamanya di kalangan remaja yang dibawa oleh media massa. Kesan dan pengaruh media massa terhadap khalayak telah lama hangat diperkatakan dan dibincangkan oleh para ilmuan dan ulama. Fenomena penjajahan budaya yang disebut sebagai '*cultural imperialism*' sangat ketara diamalkan oleh golongan remaja menerusi cara pergaulan, pakaian, hiburan dan aktiviti sehari-hari. Peranan media massa yang utama sebagai sumber maklumat telah disalahgunakan untuk mendapatkan hiburan semata-mata. Penyelidikan ini bertujuan meninjau peranan media massa dalam usaha pembangunan modal insan, di samping menganalisa tahap penggunaan media di kalangan remaja.

1.3 Objektif Penyelidikan

- i. Mengenalpasti peranan televisyen sebagai agen pembangunan modal insan dan kemahiran insaniah di kalangan pelajar FKPM UiTM Melaka.
- ii. Menganalisa kesan televisyen terhadap kemahiran insaniah di kalangan pelajar FKPM UiTM Melaka.
- iii. Mengenalpasti program atau kandungan media massa yang menjadi tumpuan pelajar FKPM UiTM Melaka.

1.4 Kepentingan Penyelidikan

Penyelidikan ini mempunyai beberapa kepentingan dari beberapa aspek, sebagai contoh ia bertujuan melihat peranan media massa sebagai agen pembangunan modal insan di kalangan pelajar FKPM UiTM Melaka. Kajian ini juga dapat melihat bagaimana media mempengaruhi para pelajar dalam pembentukan personaliti yang sihat.

Dapatan yang diperolehi juga boleh digunakan oleh pengamal media untuk merangka kandungan media yang sesuai untuk membentuk personaliti yang baik di kalangan khalayak remaja. Secara tidak langsung ia dapat membantu pengamal media menggunakan media massa sebagai satu saluran untuk menyampaikan dakwah kepada khalayak terutamanya golongan remaja.

1.5 Batasan Penyelidikan

Kajian ini akan memfokuskan kepada peranan media massa dalam pembangunan modal insan khususnya di kalangan pelajar FKPM UiTM Melaka. Kajian ini akan dilengkapkan dengan soal selidik terhadap pelajar-pelajar FKPM seramai 300 orang. Kajian ini menumpukan skop bagaimana pelajar menggunakan media massa sebagai agen pembentukan modal insan sahaja. Secara khususnya kajian ini meninjau bagaimana media massa membentuk personaliti remaja terutamanya pelajar-pelajar FKPM UiTM Melaka. Dalam penyelidikan ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada peranan televisyen sahaja sebagai agen pembangunan modal insan khususnya dalam pembentukan kemahiran insaniah yang menjadi ukuran dalam kajian ini.

1.6 Definisi Terma

- Peranan: Tugas yang dipegang
- Media massa: Alat sebaran maklumat yang terdiri daripada media cetak, media elektronik atau media baru
- Televisyen: penyiaran gambar hidup beserta bunyi menerusi kabel atau udara pada skrin atau kaca peti televisyen

- Kemahiran insaniah : Intipati utama pembangunan modal insan yang menjadi teras kepada pembangunan sesebuah negara. Kemahiran insaniah sinonim dengan kemahiran generik, *employability* atau *soft skill*.

- Pembangunan modal insan: Usaha kerajaan Malaysia untuk melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berakhlak, bermoral tinggi meliputi semua aspek kehidupan manusia.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Kerangka Teori

Penyelidikan mengenai kesan penontonan televisyen terhadap audien dapat dijelaskan dengan menggunakan beberapa teori-teori yang berkaitan seperti teori pemuasan dan kehendak (*uses & gratification*), Teori pembelajaran sosial (*social learning theory*), teori penyuburan (*cultivation theory*), teori penentuan agenda (*agenda setting theory*) dan sebagainya. Kebanyakan teori-teori ini menjelaskan mengenai kesan penontonan atau pendedahan kepada media massa secara terus (*direct*) atau secara tidak langsung (*indirect*). Sebagai contoh menurut teori pembelajaran sosial, televisyen menyediakan bukti bahawa wujudnya hubungan antara isi kandungan televisyen terhadap sikap, nilai, personaliti dan persepsi khalayak. Menurut Samsudin dan Latifah (2000), khalayak tidak meniru secara membata tuli mesej-mesej dan imej yang dipaparkan melalui televisyen, tetapi melibatkan proses interpretasi, penilaian kritikan dan pemilihan yang aktif. Menurut pengasas teori penyuburan, Gerbner (1998), menerangkan bahawa televisyen mempunyai pengaruh besar terutama dalam kuasa mensosialisasi golongan muda. Dalam penyelidikan ini, pengkaji memilih untuk menggunakan teori penggunaan dan pemuasan kehendak berdasarkan faktor-faktor pemilihan isi kandungan yang dipaparkan menerusi televisyen.

2.1.1 Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak (*Uses & Gratification Theory*)

Pengkaji menggunakan teori penggunaan dan pemuasan kehendak (*Users and Gratification Theory*) dalam menerangkan bagaimana khalayak menggunakan media. Teori ini dicetuskan oleh Blumler & Karts (1974). Teori ini menerangkan orang ramai memilih media dan bentuk program yang ditonton berdasarkan setakat mana media dan program yang dipilih memenuhi kehendak mereka. Penonton mempunyai pelbagai pilihan dan mempunyai peranan yang aktif dalam penggunaan media tersebut. Bahkan, para penonton boleh memuaskan kehendak dan keperluan mereka apabila menonton televisyen.

Rosengran (1974) melakarkan model seperti yang tertera dibawah. Penggunaan teori ini dalam penyelidikan ini dapat menerangkan kenapa sesetengah akhbar dan saluran tv tidak dibaca ataupun ditonton. Mungkinkah ia tidak memberi maklumat yang tepat seperti yang diperlukan oleh orang ramai?. Teori ini juga menjelaskan bagaimana ciri-ciri individu yang berlainan watak menggunakan saluran media massa demi untuk memuaskan kehendak dan untuk menyelesaikan masalah. Individu tertentu mempunyai tujuan yang berlainan untuk menyokong perlakuannya.

Penyelidikan yang dilakukan oleh Denis McQuail (1987) sebab-sebab utama mengapa orang ramai menggunakan media adalah seperti untuk mendapatkan maklumat seperti mengetahui peristiwa semasa yang berlaku samada dipersekutuan mereka atau pun di luar negara. Setiap manusia mempunyai keinginan untuk mengetahui sesuatu perkara.

Lantas, menerusi media mereka akan mendapatkan maklumat yang mereka kehendaki dan yang mereka perlukan. Kadangkala, maklumat yang mereka perolehi dapat membantu mereka dalam mempelajari sesuatu perkara dan menjadi satu rujukan untuk membuat keputusan dalam urusan sehari-hari mereka. Selain daripada itu, maklumat yang diperolehi menerusi media atau televisyen dapat mengeratkan ikatan atau jalinan dengan masyarakat sekeliling. Mereka akan cuba mengetahui perkembangan isu semasa kerana secara tidak langsung aktiviti tersebut dapat melepaskan ketegangan dan tekanan yang mereka hadapi sebagai satu sumber hiburan dan mengisi masa masa lapang.

Manakala dalam satu penyelidikan yang telah dilakukan oleh Bernice Agyekwena (2006) mengenai penggunaan televisyen dan sejauh mana ia dapat memuaskan kehendak penonton telah dibahas dengan begitu terperinci dalam hasil kajiannya. Beliau menerangkan diantara perkara-perkara yang boleh diperolehi oleh penonton apabila mereka menonton televisyen adalah seperti keperluan maklumat dan berita, pencarian idola untuk pembentukan personaliti, mendapatkan bahan-bahan atau modal untuk interaksi sosial atau menjalin hubungan dengan orang-orang disekeliling mereka, dan juga sebagai sumber hiburan dan keseronokan.

Menonton televisyen tidak memerlukan sebarang kemahiran dan latihan tertentu jika dibandingkan dengan media yang lain. Mereka hanya perlu memahami maksud atau mesej yang hendak disampaikan di dalam program-program tertentu. Berdasarkan hasil penyelidikan yang telah dilakukan oleh para pengkaji televisyen, ternyata menonton televisyen merupakan peratusan yang tinggi berbanding penggunaan media yang lain seperti mendengar radio, melayari internet, membaca dan sebagainya. Menurut Britons

(2005), secara purata kebanyakan pengguna menonton televisyen selam 3 jam sehari, 17 minit membaca surat khabar, 11 minit membaca buku dan melayari internet selama 7 minit.

2.1.2 Faktor-faktor penggunaan dan kepuasan menerusi televisyen

Kepelbagaiannya genre yang dimiliki televisyen menyebabkan pengguna memperuntukkan masa yang agak panjang dalam sehari untuk menonton televisyen. Diantara genre yang agak popular ialah berita (*news*), sukan, drama, rancangan kuiz, pendidikan, muzik, kartun dan sebagainya. Penggunaan dan kepuasan daripada berita televisyen (*uses and gratification from television news*). Aktiviti menonton televisyen untuk mengetahui perkembangan isu semasa merupakan satu bentuk keseimbangan psikologi dalam kehidupan manusia dalam masyarakat. Ibarat manusia perlukan air untuk meneruskan kehidupan, begitu juga dengan berita atau maklumat yang diperlukan oleh manusia dalam kehidupan bermasyarakat.

Penggunaan dan kepuasan daripada rancangan sukan

Rancangan sukan yang disiarkan menerusi televisyen berjaya menarik perhatian peminat-peminat sukan dari seluruh dunia. Sebagai contoh '*The World Cup*' dan sukan Olimpik yang ditonton lebih daripada 100 negara. Kepuasan menonton sukan menerusi televisyen adalah seperti berikut;

1. Televisyen memberi peluang penonton yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dengan perbezaan sosioekonomi untuk bersama-sama menikmati acara sukan yang mereka minati. Acara sukan yang ternama seperti Sukan Olimpik, Piala Dunia dan

berbagai –bagai kejohanan sukan dunia dapat disaksikan oleh peminat sukan dengan keadaan yang selesa kerana berada di dalam rumah mereka sendiri. Tidak semua peminat sukan berkemampuan untuk hadir menyaksikan sendiri pertandingan tersebut disebabkan faktor kewangan, kesihatan dankekangan masa semasa pertandingan atau sukan tersebut berlangsung.

2. Peminat sukan dapat mengikuti perkembangan dan aksi pemain atau atlet yang bertanding dengan jelas berbanding penonton yang berada di stadium kerana dibantu dengan perlatan kamera yang dapat merakam keseluruhan pertandingan dengan jelas dan sempurna. Mereka juga dapat membuat kupasan terperinci mengenai status perlawanan dengan mengimbas semula ulang tayang dan 'slow motion' perlawanan yang telah berlangsung.
3. Keadaan keselamatan penonton juga terjamin kerana mereka dapat mengelakkan diri daripada insiden yang tidak diingini berlaku di tempat sukan seperti rempuhan, kekacauan, kekasaran penyokong-penyokong fanatik sesebuah kelab atau negara yang bertanding. Justeru, keselamatan penonton yang berada di rumah lebih terkawal berbanding berada di lokasi pertandingan sukan. Sebagai contoh, di Ghana lebih 100 orang mati di stadium sukan accra pada tahun 2000 apabila pihak polis cuba mengawal penonton dengan gas pemedih mata.

Penggunaan dan kepuasan daripada drama (*uses and gratification from soap operas*)

Menonton siri drama menerusi televisyen dapat meredakan tekanan dan ketegangan setelah seharian penat bekerja. Drama lipur lara atau karya drama bersiri mempunyai peminat tersendiri yang kebanyakannya adalah golongan wanita dan remaja perempuan. Di Indonesia drama bersiri ini dipanggil sinetron atau sinema elektronik. Kepuasan yang diperolehi oleh peminat drama bersiri adalah seperti berikut;

1. Peminat yang terdiri daripada golongan wanita akan memperoleh kepuasan psikologi apabila kebanyakan drama yang disiarkan adalah berdasarkan realiti semasa. Kekuatan watak yang ditonjolkan dapat memberikan ilham dan inspirasi kepada penonton untuk menghadapi cabaran dan dugaan dalam hidup mereka.
2. Kecenderungan penonton untuk menjalin ikatan dengan watak utama kerana pertemuan yang kerap memandangkan drama bersiri ini disiarkan hampir setiap hari atau setiap minggu dan kadangkala ia lebih kerap jika dibandingkan dengan pertemuan bersama rakan-rakan yang lain. Secara tidak langsung, ia dapat membina dan meluaskan hubungan sosial yang sedia ada.
3. Drama siri berperanan sebagai satu ikatan integrasi sosial dikalangan peminat wanita. Ia juga dapat memupuk nilai-nilai positif apabila mereka mempelajari banyak perkara yang berfaedah sambil menonton program kegemaran mereka menerusi televisyen.

Penggunaan dan kepuasan daripada muzik televisyen

Kebiasaanya pengguna akan beralih kepada siaran atau program yang berbentuk hiburan dengan melihat perkembangan muzik video artis-artis terkenal. Mendengar muzik merupakan salah satu terapi untuk menghilangkan rasa bosan dan tekanan kerja. Golongan muda terutamanya lebih cenderung untuk mengikuti perkembangan industri muzik dan disusuli dengan perkembangan fesyen atau trend semasa. Mengikuti perkembangan muzik menerusi televisyen turut menggalakkan budaya popular dikalangan orang muda. Sebagai contoh perkembangan fesyen rambut seperti punk, pakaian, aksesori dan lain-lain lagi.


Penggunaan dan kepuasan daripada rancangan animasi

Rancangan animasi atau kartun adalah tarikan utama kanak-kanak untuk menonton televisyen. Kanak-kanak mendapat kepuasan apabila menonton rancangan kartun kerana ia dapat memenuhi keperluan psikologi kanak-kanak. Sebagai contoh;

1. elemen fantasi
2. elemen agresif dan kuasa
3. elemen hiburan

Walaupun rancangan animasi yang disiarkan menerusi televisyen disasarkan kepada golongan kanak-kanak, namun begitu terdapat juga golongan muda dan dewasa yang meminati rancangan kartun samada rancangan kartun terbitan tempatan ataupun luar negara. Watak-watak seperti Upin dan Ipin, BoBoi Boy, Spongebob, Doraemon, Sin

Chan, Hagemaru dan lain-lain lagi sangat dekat dan sinonim dengan peminat-peminat siaran kartun dan animasi. Terdapat beberapa faktor tarikan peminat-peminat siaran animasi ini seperti rancangan-rancangan tersebut padat dan sarat dengan elemen keganasan dan aksi-aksi yang menarik, elemen lucu dan seksual, penggunaan bahasa yang kasar serta penuh dengan elemen fantasi.



Rajah 2.1: Model Penggunaan dan Pemuasan Kehendak

(Sumber: Mc Quail & Windahl, 1993: 135)

2.2 Definisi Media Massa

Menurut Kamus Dewan, edisi keempat media bermaksud alat atau perantara komunikasi (perhubungan) seperti televisyen, radio dan akhbar. Manakala media massa pula merupakan pelbagai jenis alat komunikasi seperti televisyen, radio, surat khabar, majalah dan sebagainya yang dapat menyampaikan maklumat berita dan sebagainya kepada orang ramai dengan cepat (dalam masa yang singkat), sebaran am.

2.2.1 Peranan Media Massa

Menurut Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2007), secara umumnya para pengamal komunikasi bersetuju bahawa fungsi atau peranan utama media massa ialah sebagai pemerhati, pentafsir, penghubung dan penghubung. Fungsi sebagai pemerhati apabila media massa bertanggungjawab untuk mengawasi sebarang peristiwa yang berlaku di sekitar kita. Hasil pemerhatian tersebut akan dilaporkan kepada khalayak dalam bentuk berita atau penyampaian maklumat. Fungsi sebagai pemerhati ini juga dapat memberi amaran kepada khalayak tentang bahaya atau ancaman yang bakal tiba seperti bahaya cuaca, kemelesetan ekonomi dan sebagainya supaya khalayak dapat bersiap sedia menghadapi ancaman dan bahaya tersebut.

Peranan sebagai pentafsir ialah melakukan penafsiran terhadap apa juu hal yang terjadi di sekeliling kita dan melaporkan hal tersebut berdasarkan pemahaman dan pengalaman mereka terhadap peristiwa itu. Hal yang terjadi ininbiasanya disiarkan dalam